

BAB IV

ANALISIS APLIKASI AKAD MUḌĀRABAH

DI PT. ASURANSI TAKAFUL UMUM JAKARTA

4.1 Hubung Kait Akad MuḌārabah dengan Pelaburan

Aplikasi sistem perkongsian untung sebagaimana menjadi fokus penelitian ini sesungguhnya didasarkan pada implementasi bahawa perkongsian untung bukan hanya sistem yang mampu memberikan keuntungan kewangan. Akan tetapi juga mempunyai nilai tolong-menolong dan selari dengan syariat Islam.

Perkongsian untung dipandang baik untuk diterapkan pada syarikat takaful kerana tidak menimbulkan kezaliman antara kedua belah pihak. Dan dapat meningkatkan perekonomian umat kerana dapat berputarnya roda perekonomian.

Sebagaimana syarikat insurans syariah lainnya, PT. Asuransi Takaful Umum telah menerapkan sistem perkongsian untung sejak awal mula berdirinya pada tahun 1995. Perkongsian untung (*muḌārabah*) merupakan salah satu ciri khas syarikat takaful. Aplikasi sistem perkongsian untung diaplikasikan dalam dimensi pelaburan dari kumpulan wang caruman pelanggan.¹

MuḌārabah merupakan elemen utama dalam mekanisme kerja PT. Asuransi Takaful Umum. Implementasi sistem perkongsian untung sudah tentu tidak boleh meninggalkan dari akad yang benar kerana ini merupakan asas awal transaksi perkongsian untung antara kedua belah pihak. Sedangkan pelaburan merupakan proses dalam mencapai keuntungan.

¹ Soeismodjojo Soedarso (1999), *Prinsip-prinsip Manajemen Resiko dan Asuransi*, Jakarta: PT. Salemba Empat, h. 21.

4.1.1 Akad

Suatu akad yang disepakati diantara kedua belah pihak yang secara formal dibuat dalam bentuk perjanjian atau kontrak. Demikian pula halnya dengan transaksi syarikat takaful formalnya transaksi tersebut dibuat dalam bentuk perjanjian.

Syarikat takaful dan pelanggan mengikat diri dalam perjanjian *muḍārabah* dengan hak dan kewajiban sesuai dengan perjanjian. Konsep perjanjian *muḍārabah* yang di terapkan pada PT. Asuransi Takaful Umum mempunyai tiga unsur iaitu :

1. Dalam perjanjian antara pelanggan dengan syarikat, maka syarikat di amanahkan untuk melaburkan dan mengusahakan pembiayaan ke dalam projek-projek bentuk *musyārahah*, *muḍārabah*, *murābahah* dan *wadi'ah* yang di halalkan hukum Islam.
2. Perjanjian antara pelanggan dan syarikat takaful berbentuk perkongsian untuk sama-sama menanggung risiko usaha dengan prinsip perkongsian untung yang ketentuannya telah di sepakati bersama.
3. Dalam perjanjian antara pelanggan dengan takaful telah ditetapkan bahawa sebelum membahagi keuntungan yang diperoleh dari hasil usaha pelaburan terlebih dahulu diselesaikan pampasan pelanggan yang terkena kemalangan.²

Aplikasi teknis dari akad ini adalah pelanggan melakukan ijab dengan mengisi borang menjadi pelanggan PT. Asuransi Takaful Umum dengan disertai persetujuan untuk memberikan wang caruman dan keikhlasan atas pengambilan

² Karnaen A, Perwaatmaja (1996), *Membumikan Ekonomi Islam Di Indonesia*, Depok: Usaha Kami, h. 237.

dana *tabarru'* yang dipergunakan untuk saling menanggung jika terjadi musibah di antara pelanggan. Atas dasar inilah syarikat takaful menjalankan operasinya. Syarikat takaful menerima wang caruman daripada pelanggan untuk ditadbir secara *muḍārabah* dan menggunakan dana *tabarru'* untuk pampasan pelanggan yang terkena kemalangan.³

Akad yang melandasi kesepakatan antara pelanggan dan syarikat adalah akad *takāfuli* yang bererti saling menanggung antara pelanggan insurans dengan mengedepankan kebajikan. Selain itu akad *ta'āwuni* juga melandasi adanya konsep tolong-menolong untuk memberikan bantuan perlindungan atas musibah yang datang.

Dalam segi aplikasi perkongsian untung di PT. Asuransi Takaful Umum ada dua akad yang terkait di dalamnya. Kedua akad ini merupakan akad yang dilakukan antara pelanggan dengan syarikat insurans. Berdasarkan fatwa MUI mengenai akad dalam insurans syariah termaktub bahawa akad dalam insurans syariah selain akad *takāfuli* dan *ta'āwuni* yakni:

1. Akad yang dilakukan antara pelanggan dengan syarikat insurans terdiri dari akad *tijarah* dan/atau akad *tabarru'*.
2. Akad *tijarah* yang di maksud dalam ayat (1) adalah *muḍārabah*, sedangkan akad *tabarru'* adalah hibah.⁴

³ Dian Sofyan, Pengembangan Sumberdaya Manusia PT. Asuransi Takaful Umum. Temu bual pada 23 jun 2008

⁴ Fatwa Majlis Ulama Indonesia, Tentang Pedoman Umum Asuransi Syariah, tarikh 17 Oktober 2001 bahagian kedua.

Fatwa tersebut telah menjelaskan secara eksplisit bahawa *tabarru'* adalah hibah yang diberikan pelanggan untuk kebajikan dan tolong-menolong serta bukan semata untuk tujuan komersial.

Dalam insurans syariah seperti halnya PT. Asuransi Takaful Umum, seluruh caruman yang dibayar dimasukkan ke dalam akaun sumbangan, yaitu akaun yang digunakan untuk membayar pampasan atau manfaat takaful kepada pelanggan.

Wang angsuran caruman takaful akan dimasukkan ke dalam kumpulan dana pelanggan untuk dilaburkan berdasarkan syariah *mudārabah* dan keuntungan yang diperoleh akan dimasukkan kedalam kumpulan dana pelanggan dan pembayaran pampasan dan biaya yang diperlukan oleh syarikat akan diambilkan dari kumpulan dana pelanggan, jika terdapat kelebihan sisa, dana tersebut akan dibagikan kepada pelanggan yang tidak membuat tuntutan pampasan menurut *mudārabah*.⁵

Di sinilah timbulnya penggunaan dua rangka struktur untuk takaful umum, iaitu *mudārabah* dengan menggabungkan perakaunan *tabarru'* yang di bawahnya juga ada perkongsian untung dan menderma. Dengan demikian, maka PT. Asuransi Takaful Umum mempraktikkan akad berlapis pada setiap transaksi insurans secara automatik.⁶

Dari huraian di atas, dapat difahami bahawa dana caruman pelanggan adalah milik pelanggan. Syarikat takaful hanyalah sebagai pemegang amanah untuk mengelola dana. Dengan demikian setiap pelanggan takaful adalah pemilik modal dalam syarikat.

⁵ “Syarikat Takaful Indonesia”, *Jurnal Ulumul Qur'an*, 2/VII/96, h. 37.

⁶ Mat Noor Mat Zain dan Zamzuri Zakaria (2006), *Pengurusan Mudarabah dalam Takaful di Malaysia*, Jabatan Syari'ah, Fakulti Pengajian Islam, Universitas Kebangsaan Malaysia, h. 331

Dalam akad *muḍārabah*, syarikat takaful berkedudukan sebagai *muḍārib* iaitu penerima wang caruman dari pelanggan takaful untuk dilaburkan dalam projek-projek pembiayaan yang dihalalkan oleh hukum Islam. Sedangkan pelanggan takaful sebagai pemilik modal yang akan memperoleh manfaat khidmat perlindungan serta perkongsian untung dari keuntungan pelaburan syarikat.⁷

Daripada huraian di atas dapatlah difahamkan bahawa mekanisme kerja konsep perkongsian untung PT. Asuransi Takaful adalah:

1. Syarikat insurans dan pelanggan takaful mengadakan kontrak perkongsian untung (*muḍārabah*). Kontrak dibuat satu tahun dan boleh diperbaharui.
2. Dalam perjanjian syarikat sebagai pengelola dana atau *muḍārib* dan berkewajipan melaburkan ke dalam usaha-usaha yang tidak bercanggah dengan syariat Islam. Serta berkewajipan memberikan wang pampasan terhadap mana-mana pelanggan yang terkena kemalangan.
3. Peserta takaful, berkewajipan menyerahkan sejumlah caruman sesuai dengan kesepakatan. Pembayaran caruman oleh pelanggan dibayar pada awal perjanjian untuk jangka waktu satu tahun dan harus di perbaharui apabila kontrak diperpanjang. Sedangkan amaun caruman di tetapkan oleh syarikat yang bersesuaian dengan produk takaful yang dipilih.
4. Syarikat sebagai pengelola caruman akan memasukkan dana pelanggan ke dalam satu akaun.
5. Keuntungan yang diperoleh dari pelaburan akan dibahagikan sesuai dengan perjanjian *muḍārabah* yang telah disepakati.

⁷ Dian Sofyan, Pengembangan Sumberdaya Manusia PT. Asuransi Takaful Umum. Temu bual pada 23 jun 2008.

Sistem perkongsian untung (*mudārabah*) merupakan perjanjian antara pelanggan dengan syarikat takaful dengan menerapkan sistem perkongsian untung, konsep *mudārabah* yang diaplikasikan di PT. Asuransi Takaful Umum mempunyai tiga unsur iaitu :

1. Perjanjian antara pelanggan dengan syarikat takaful, maka syarikat diamanahkan untuk melaburkan dan mengusahakan pembiayaan ke dalam projek-projek dalam bentuk yang di halalkan syariat Islam.
2. Perjanjian antara pelanggan dengan syarikat takaful berbentuk perkongsian, untuk bersama-sama menanggung risiko usaha dengan prinsip perkongsian untung sesuai dengan ketentuan yang telah disepakati.
3. Perjanjian antara pelanggan dengan syarikat takaful telah ditetapkan bahawa sebelum bahagian keuntungan yang diperoleh dari hasil usaha dan pelaburan, terlebih dahulu diselesaikan pampasan daripada pelanggan yang mengalami musibah.⁸

Dengan demikian wang caruman pelanggan yang telah terkumpulkan dikelola dengan profesional yang terlihat dengan proses pelaksanaan pelaburan. Diikuti dengan memberikan bahagian dari keuntungan kepada para pelanggan, namun sebelumnya syarikat terlebih dahulu menyelesaikan pampasan pelanggan. Penyelesaian ini dilakukan apabila ada pelanggan yang mengalami bencana atau musibah. Selepas itu barulah pembahagian di lakukan.

⁸ Muhammad Syafi'I Antonio(1994),*Prinsip-prinsip Dasar Asuransi Takaful*, Jakarta : Badan Arbitrase Muamalat Indonesia Kerjasama dengan BMI, h. 236.

4.1.2 Pelaburan

Majlis Ulama Indonesia (MUI) memberikan batasan pengertian pelaburan yakni penyertaan dalam bentuk modal atau pinjaman untuk mendapatkan hasil dalam jangka waktu tertentu. Adapun instrumen dari pelaburan adalah produk kewangan seperti surat berharga (saham, obligasi, deposit).⁹

Istilah pelaburan dipergunakan secara luas bagi penggunaan wang untuk mendapat nilai tambah termasuk tabungan pada institusi kewangan bukan syariah kerana mendapatkan faedah. Dalam konteks syariah, pelaburan lebih diarahkan kepada penggunaan dana pada sektor yang benar. Oleh sebab itu syarikat takaful tidak akan melabur pada lembaga-lembaga kewangan yang berasaskan faedah.

Melaburkan caruman bertujuan untuk mendapatkan keuntungan dan juga untuk memperoleh nilai tambah sebesar-besarnya yang hasilnya akan dibahagikan dengan pelanggan. Melabur pada sektor yang benar dapat meningkatkan kemajuan usaha, membuka lapangan kerja baru, serta pemerataan kesempatan kerja yang pada masanya akan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.¹⁰

PT. Asuransi Takaful Umum melakukan pelaburan dengan cara yang di benarkan undang-undang. Hal ini sesuai dengan keputusan menteri kewangan Republik Indonesia.

Keputusan Menteri Kewangan No. 481/KMK.017/1999 tentang Kesehatan Kewangan Syarikat Asuransi dan Syarikat Reasuransi yang di

⁹ Glossary dalam DSN-MUI-BI, Himpunan Fatwa DSN untuk LKS, edisi pertama, Jakarta, h. 146.

¹⁰ Khairul Abbas (2002), "*Konsep dan Aplikasi prinsip Syari'ah dalam bisnis Asuransi*" (makalah dipresentasikan pada Seminar Nasional Konsep dan Sistem Ekonomi Syari'ah pada Lembaga keuangan Perbankan, Asuransi dan Pasar Modal, Ball Room Hotel Sahid Jaya Jakarta, 30 Mei 2002), h. 9.

dalamnya terdapat penempatan pelaburan yang di iktiraf departemen kewangan iaitu:

1. Deposit Berjangka
2. Sijil Bank Indonesia
3. Saham yang tercatat di pasar modal
4. Reksadana
5. Surat berharga yang dijamin Pemerintah (kerajaan)
6. Penyertaan langsung
7. Bangunan atau tanah dengan bangunan
8. Pinjaman Hipotik
9. Pinjaman Polis

Keputusan di atas masih terlalu umum dan dipandang tidak ada perbezaan dengan pelaburan yang di lakukan dengan insurans konvensional. Peraturan mengenai syarikat insurans yang berprinsipkan syariah masih terbatas pada ketentuan mengenai jenis dan batas pelaburan. Kemudian untuk lebih menyempurnakan undang-undang tentang syarikat takaful, maka dibuat keputusan baru untuk syarikat takaful yakni KMK No.303/KMK.017/2001 yang berisikan tambahan fasal baru pada KMK No.481/KMK.017/1999 tentang penempatan kekayaan bagi syarikat takaful.

Menindak lanjuti KMK No.303/KMK.017/2001, maka direktur Jenderal Lembaga Kewangan mengeluarkan keputusan No. 4499/LK/2000 mengenai jenis Pelaburan bagi syarikat takaful yang berisi antara lain :

1. Deposit dan Sijil Deposit Syariah
2. Sertifikat *Wadi'ah* Bank Indonesia

3. Saham Syariah yang tercatat di pasar modal
4. Obligasi Syariah yang tercatat di pasar modal
5. Surat Berharga yang di terbitkan dan dijamin kerajaan
6. Reksadana syariah
7. Penyertaan langsung Syariah
8. Bangunan atau tanah dan bangunan
9. Pembiayaan *muḍārabah*.
10. Pinjaman Polis¹¹

Merujuk substantif dari keputusan Direktur Jeneral Lembaga Kewangan (DJLK) tersebut, PT. Asuransi takaful Umum ikut melaburkan kumpulan dana caruman milik pelanggan dan syarikat akan bekerja sama dengan lembaga kewangan syariah yang berhubungan dengan instrumen pelaburan. Adapun jenis pelaburan yang di gunakan oleh PT. Asuransi Takaful Umum antara lain :

1. Deposit

Deposit merupakan simpanan dana berjangka yang penarikannya hanya dapat dilakukan pada waktu tertentu berdasarkan perjanjian pelanggan (dalam hal ini syarikat takaful) yang berperan sebagai menyimpan dana di bank.¹²

Deposit dicatat di neraca sebesar nilai nominalnya, oleh kerana syarikat ini berasaskan syariah sebagai landasan operasionalnya, maka penempatan deposit hanya di bank-bank yang beroperasi dengan sistem Islam.

Deposit yang dimaksudkan tidak memberikan faedah sebagaimana bank

¹¹ Departemen Keuangan Republik Indonesia, Keputusan Direktur Jenderal Lembaga Kewangan No.4499/LK/2000, Jakarta: Departemen Keuangan, 2000, h. 2.

¹² Glossary dalam DSN-MUI-BI,Himpunan Fatwa DSN untuk LKS,h.143

konvensional. Akan tetapi menerapkan sistem perkongsian untung yang amaunnya di sesuaikan dengan pendapatan bank setiap bulan. Perkongsian untung ini akan masuk ke dalam dividen syarikat atau masuk dalam pendapatan syarikat takaful.

Pelaburan PT. Asuransi Takaful Umum terdiri dari deposit wajib (Rupiah), deposit berjangka (Rupiah) dan deposit berjangka (USD).

Deposit wajib merupakan dana jaminan dalam bentuk deposit berjangka yang di tempatkan atas nama Menteri Kewangan Republik Indonesia. Ini merupakan syarat peraturan kerajaan No.73 tarikh 30 Oktober 1992 dan keputusan menteri kewangan No. 224/KMK.01/1993 tarikh 26 Februari 1993.¹³

Jadual 4.1 Pelaburan Dalam Bentuk Deposit

Deposito Wajib – Rupiah	2006	2005
Bank Muamalat	2.600.000.000	2.600.000.000
Bank Syariah Mandiri	500.000.000	500.000.000
	3.100.000.000	3.100.000.000
Deposito Biasa – Rupiah	2006	2005
Bank Syariah Mandiri	-	6.339.000.000
Bank Syariah Mega Indonesia	3.899.000.000	4.699.000.000
Bank Muamalat Indonesia		4.474.000.000
Bank BNI Syariah		2.072.000.000
Bank BRI Syariah		1.001. 500.000
Bank Danamon Syariah		975.000.000
Bank Bukopin Syariah		900.000.000
Bank IFI Syariah		712.500.000
Bank Jabar Syariah		1.001.500.000
BPD Kalsel Syariah		330.000.000
Bank Mandiri		300.000.000
BPR Syariah	60.000.000	310.000.000
Bank Riau Syariah		250.000.000

¹³ PT. Asuransi Takaful Umum, laporan kewangan tahun 2006.

Bank BTN Syariah	1.540.000	175.000.000
Bank Internasional Indonesia Syariah		100.000.000
Bank Harta Insan Karimah		40.000.000
Bank Permata Syariah		
Bank Sumsel Syariah		
Bank Sumut Syariah		
	5.499.000.000	24.646.500.000
Deposito Berjangka - US Dollar	2006	2005
Bank Syariah Mandiri		417.775.000
Bank Muamalat Indonesia		
Bank Permata Syariah		
	8.599.000.000	28.164.275.000

Sumber : Laporan Auditor Independen atas laporan Keuangan untuk tahun 2005 dan 2006 pada PT. Asuransi Syariah Takaful Umum.

Berdasarkan jadual di atas pada tahun 2005 PT. Asuransi Takaful Umum melaburkan dana deposit sebanyak Rp 28.164.275.000,- dan pada tahun 2006 PT. Asuransi Takaful Umum melaburkan dana deposit sebanyak Rp 8.599.000.000 melihat amaun tersebut, terjadi penurunan dana deposit selama tahun 2005 ke tahun 2006 sebesar Rp.19.565.275.000.

seluruh deposit yang dilakukan pada syarikat takaful ini adalah deposit yang berasaskan prinsip *muḍārabah* termasuk yang deposit berjangka US dolar. Syarikat takaful sebagai pemegang deposit akan diberikan perkongsian untung yang jumlahnya akan diberitahu pada setiap akhir bulan.¹⁴

Perkongsian untung yang diperoleh dari pelaburan deposit selama tahun 2005 dan tahun 2006 bersesuaian dengan suku bunga tahunan sebagai berikut :

¹⁴ Laporan Auditor Independen atas laporan Keuangan untuk tahun 2005 dan 2006 pada PT. Asuransi Syariah Takaful Umum.

Jadual 4.2 perkongsian untung dari Pelaburan deposit syariah

	Tahun 2006	Tahun 2005
Deposito Rupiah	7.44% - 10.33 %	8.86% - 6.16%
Deposito USD	2.31 % - 4,5 %	2.26% - 3.7%

Sumber: Laporan Auditor Independen atas laporan Kewangan untuk tahun 2005 dan 2006 pada PT. Asuransi Syariah Takaful Umum.

Perkongsian untung yang di dapat syarikat akan di bahagikan lagi kepada pelanggan insurans sebagai nilai keuntungan terhadap dana yang dilaburkan.

2. Surat Berharga

Surat berharga yang digunakan oleh PT. Asuransi Takaful Umum terdiri dari dua instrumen iaitu saham syariah dan reksadana syariah.

Pelaburan saham yang diperdagangkan di bursa efek Jakarta dan reksadana dimaksudkan oleh manajemen selama jangka waktu yang tidak ditentukan sehingga digolongkan sebagai sekuritas yang tersedia untuk dijual (*available for sale securitesa*). Penilainya diasaskan pada harga pasar yang berlaku.

Saham syariah adalah saham yang beroperasi secara syariat Islam mengenai surat bukti ke pemilikan atau bagian modal suatu syarikat yang dapat dijual belikan sama ada dalam dan luar pasar modal yang merupakan bukti atas penghasilan dan dividen syarikat.¹⁵

Sedangkan reksadana syariah adalah reksa dana yang beroperasi menurut ketentuan dan prinsip syariat Islam baik dalam bentuk akad antara pemodal sebagai pemilik harta (*ṣahibul māl*) dengan menejer pelaburan

¹⁵ Bank Indonesia (1999), *Kamus Perbankan*, Jakarta: Bank Indonesia, cet 1, h. 153.

sebagai wakil *ṣahibul māʾl*, mahupun antara menejer pelaburan dengan pengguna pelaburan.¹⁶

Kedua akaun ini merupakan nilai pasar surat-surat berharga yang di miliki syarikat takaful umum, perolehan harga daripada surat-surat berharga mengikut naik turun harga pasar. Lihat jadual berikut :

Jadual 4.3 Perolehan Harga Saham Syariah

	Tahun 2006	2005
Harga Perolehan		5.590.649
Kenaikan/Penurunan	5.590.649	3.942.649
Harga Pasar		1.648.000

Sumber: Laporan Auditor Independen atas laporan Kewangan untuk tahun 2005 dan 2006 pada PT. Asuransi Syariah Takaful Umum.

3. Tanah dan Bangunan

Pelaburan tanah dan bangunan dicatat sebesar harga perolehan kerana pelaburan ini berjangka panjang. Hal ini didasarkan pada ketentuan penilaian pelaburan tanah dan bangunan tercatat dalam keputusan menteri kewangan No.481/KMK.017/1999 fasal 20 sebagai kayu pengukur dalam mengukur solvabilitas atau tingkat kesihatan syarikat.

Akaun ini merupakan pelaburan berupa tanah dan bangunan yang berasal dari cagaran atas nama PT. Novalindo Purnama yang diserahkan kepada syarikat sebagai ansuran pembayaran pinjaman dan telah ditukar nama atas nama PT. Asuransi Takaful Umum dengan akta jual beli No. 91/2003 dan 92/2003 tarikh 4 November 2003 dari Aditia Bima Sakti Bangun,

¹⁶ Iggi H Achsien (2000), *Investasi Syariah di Pasar Modal: Menggagas Konsep dan Praktek Manajemen Portofolio Syariah*, Jakarta : Gramedia Pustaka Utama, h. 84.

SH., Pejabat Pembuat Akta Tanah (PPAT) di Bogor, dengan nilai sebesar Rp 841,400,000 dan Rp 544,400,000. Dengan rincian sebagai berikut:

Sebidang tanah dengan sertifikat hak milik nomor: 1173/Panaragan, seluas 568 M² (lima ratus enam puluh delapan meter persegi) dalam surat ukur tarikh 13 Mei 1982 nomor: 331/1982, sertifikat tarikh 19 Mei 1982, tertulis atas nama Ny. Renny Yosefa, terletak di Propinsi Jawa Barat, Kotamadya Bogor, Kecamatan Kota Bogor Barat, Desa Panaragan (Kelurahan Panaragan).

Sebidang tanah dengan sertifikat hak milik nomor: 258/Sareal, seluas 790 M² (tujuh ratus sembilan puluh meter persegi), dalam surat ukur tarikh 27 Mac 2000 nomor: 26/TNS/2000, sertifikat tarikh 18 April 2000, atas nama Ny. Hajjah Djunaenah Garwita, terletak dalam Propinsi Jawa Barat, Kotamadya Bogor, Kecamatan Tanah Sereal, Kelurahan Tanah Sereal, semua asset berupa tanah dan bangunan ini menurut penetapan Undang-Undang dapat dianggap sebagai barang tidak bergerak.¹⁷

4. Pembiayaan *Muḍārabah*

Pembiayaan *muḍārabah* yang di maksud di sini adalah bentuk pembelian kendaraan bermotor yang merupakan bantuan transportasi kepada para pengarah dan ketua cawangan yang dikira sebagai pinjaman yang mesti dibayar dalam bentuk ansuran selama 8 tahun. Kenderaan tersebut merupakan aktivaa tetap syarikat dan telah di setujui dalam risalah rapat manajemen grup takaful No.047.RR.09.2002 tarikh 3 september 2002 dan jika sudah tidak

¹⁷ PT. Asuransi Takaful Umum, Laporan kewangan tahun 2006

digunakan lagi akan dijual, kemudian wangnya akan dimasukan pembukuan untung rugi syarikat takaful pada tahun tersebut.¹⁸

5. Pembiayaan *Mudārabah* Pinjaman Modal

Pembiayaan *mudārabah* adalah pemberian pinjaman modal kerja yang diberikan secara langsung kepada sektor perniagaan dengan kewajiban memberikan perkongsian untung atas untung yang di peroleh secara berkala atas asas rasio yang telah disepakati serta mengembalikan wang pinjaman asal pada waktu yang telah disepakati. Sebagaimana yang pernah terjadi PT. Asuransi Takaful Umum dengan PT. Investmen Management telah mengadakan kontrak pengelolaan dana sebesar Rp. 2.000.000.000.(dua miliar Rupiah). Pada tarikh 24 februari 2002.¹⁹

Hal ini sesuai dengan ketentuan yang tertera dalam surat keputusan direktur jeneral lembaga kewangan No. Kep.4499/LK/2000 tarikh 11 September 2000 tentang jenis, penilaian, dan pembatasan investasi syarikat insurans dan perusahaan reinsurans dengan sistem syariah. Pembiayaan jenis ini dibolehkan sepanjang amaunnya tidak melebihi 30% dari amaun seluruh dana pelaburan. Pendapatan dari pembiayaan *mudārabah* diakui setelah menerima laporan pembahagian hasil usaha berkala daripada pelanggan.²⁰

Kelima instrumen pelaburan tersebut diamalkan oleh P.T Asuransi Takaful Umum bersesuaian dengan aturan syariah Islam.

¹⁸ PT. Asuransi Takaful Umum, Laporan kewangan tahun 2006.

¹⁹ *Ibid.*, h. 9.

²⁰ PT. Asuransi Takaful Umum, Laporan kewangan tahun 2006.

Pendapatan diatas menyifatkan bahawa syarikat takaful melaburkan kumpulan wang caruman kepada bisnis sektor yang benar. Pelaburan tersebut menggunakan prinsip perkongsian untung yakni keuntungan dan kerugian dibahagi bersama (*profit and loss sharing*).

Bagi syarikat takaful am, apa-apa keuntungan yang diperoleh akan di tentukan daripada pergerakan dan operasi kumpulan wang takaful am. Daripada keuntungan yang diperoleh ini, perkongsian akan dibuat mengikut nisbah yang telah dipersetujui.

Agihan keuntungan bahagian pelanggan akan hanya dibuat kepada pelanggan-pelanggan yang layak menerimanya sahaja. Pelanggan yang demikian ialah yang telah taman tempoh takaful. Dalam tempoh berkuat kuasa, pelanggan ini tidak membuat apa-apa tuntutan atau menerima apa-apa perolehan manfaat. Dengan kata lain rekod penyertaannya adalah bersih daripada gangguan musibah.

Bagi pelanggan yang membatalkan atau menamatkan penyertaan skim takaful am sebelum tamat tempoh juga tidak berhak mendapatkan agihan keuntungan yang sama.

Kegiatan pelaburan merupakan rangkaian kegiatan pengelolaan dana caruman pelanggan sebagai *ṣahibul māl* yang di lakukan syarikat takaful selaku *muḍarib* pelanggan mempercayai secara penuh syarikat insurans untuk melaburkan wang caruman tersebut ke sektor bisnis real.²¹ Pelanggan tidak membatasi syarikat dengan ketentuan-ketentuan yang mengikat untuk

²¹ Budi Prayogo, Kepala bagian kewangan PT. Asuransi Takaful Umum. Temu bual pada 24 jun 2008.

melabur. Hal ini mencerminkan jenis *muḍārabah* yang di jalankan PT. Asuransi Takaful Umum adalah *muḍārabah Muthalaqah* yakni bentuk kerja sama antara pelanggan dengan syarikat takaful dengan cara pelanggan tidak membatasi syarikat dalam mengelola dana dengan spesifikasi jenis usaha, waktu dan daerah pelaburan.

Pelanggan memberikan kebebasan penuh pada syarikat untuk melaburkan dananya yang akan berpunca pada perolehan keuntungan.


Satu hal yang sangat signifikan dalam hal ini adalah tingkat kepercayaan pelanggan kepada syarikat. Syarikat insurans akan menjaga penuh kepercayaan pelanggan dengan mengelola dana yang sesuai dengan kaedah-kaedah syariat Islam.

4.2 Penentuan Nisbah Perkongsian untung

Sebagaimana yang telah di jelaskan pada bab sebelumnya sistem perkongsian untung adalah suatu sistem yang meliputi tata cara pembahagian hasil usaha antara pemilik dana dan pengelola dana.

Perkongsian untung yang diaplikasikan di PT. Asuransi Takaful Umum adalah keuntungan pelaburan yang dibahagikan kepada peserta pada setiap tahun. Nisbah (komposisi persentase) perkongsian untung ini telah di tentukan sebelumnya.

Rajah 4.1 Mekanisme Kerja Takaful Umum



Sumber: Profil PT. Asuransi Takaful Umum Jakarta

Dari jadual di atas, tergambar bahawa dana caruman pelanggan takaful akan di satukan ke dalam “satu akaun” yang selanjutnya dilaburkan dalam pembiayaan-pembiayaan yang di benarkan syariah. Keuntungan yang diperoleh akan dibahagi sesuai dengan perjanjian mudarabah yang telah di sepakati bersama. Yakni 40% dari keuntungan untuk pelanggan dan 60% bahagian keuntungan untuk syarikat.

Sebelum bahagian keuntungan diperoleh pelanggan, maka terlebih dahulu diselesaikan pampasan, manfaat takaful dari pelanggan apabila ada yang mengalami musibah kemudian selepas itu keuntungan di bahagikan.²²

²² Budi Prayogo, Kepala bagian kewangan PT. Asuransi Takaful Umum. Temu bual pada 24 jun 2008

4.3. Mekanisme Perhitungan Perkongsian Untung

Mekanisme perhitungan perkongsian untung merupakan satu pola yang di pegang teguh dan menjadi fokus penelitian ini. Perkongsian untung tak terlepas dari proses pelaburan, sebab perkongsian untung merupakan implikasi penerapan pelaburan. Perhitungan perkongsian untung PT. Asuransi Takaful Umum diasaskan pada mekanisme berikut :

1. Dana caruman yang dibayarkan pelanggan dikumpulkan dalam kumpulan dana pelanggan. Kumpulan dana caruman tersebut dilaburkan ke bisnis sektor yang benar dengan prinsip yang searah dengan ketentuan syariat Islam.
2. Syarikat insurans takaful mengklasifikasikan jenis pelaburan ke instrumen pelaburan berprinsipkan syariah dengan selalu merujuk keputusan Direktur Jeneral Lembaga Kewangan No. Kep.4499/lk/2000 tentang jenis, penilaian dan Batas pelaburan syarikat insurans dan syarikat reinsurans dengan sistem syariah.
3. Proses kegiatan pelaburan menghasilkan keuntungan pelaburan.
4. Kadar pelaburan didapatkan dengan membagi rata-rata tertimbang *mudārabah* yang akan dibahagikan dengan caruman yang diterima.
5. Kadar pelaburan akan dikalikan dengan caruman yang selanjutnya akan terwujud perkongsian untung

Dalam perhitungan perkongsian untung, berikut akan dijelaskan mengenai kadar pelaburan dan perhitungan perkongsian untung.

1. Kadar Pelaburan

Kadar pelaburan merupakan tingkat prosentase hasil pelaburan yang akan dihitung dengan caruman terkumpul pada setiap tahun. Sebelum memberikan bahagian perkongsian untung antara pelanggan dengan syarikat, P.T Asuransi terlebih dahulu menentukan kadar pelaburan.

Kadar pelaburan adalah membahagi akumulasi untung yang siap dibahagikan²³ dengan caruman yang diterima syarikat selama 12 bulan.

$$\frac{\text{Akumulasi Untung yang siap dibahagikan}}{\text{Caruman yang di terima selama 12 bulan}} \times 100\% = \text{Kadar } \textit{muḍārabah}$$

Dengan terbentuknya kadar pelaburan, maka syarikat akan lebih mudah menghitung perkongsian untung antara perusahaan dengan pelanggan. Kadar pelaburan ini bersifat naik turun (*fluktuatif*). Besar kecilnya kadar pelaburan berhubung kait dengan perolehan hasil pelaburan. Sebelum pembahagian berlaku kadar pelaburan dikalikan dengan caruman pelanggan.

$$\text{Perkongsian untung} = \text{kadar pelaburan} \times \text{caruman pelanggan}$$

Dengan demikian pelanggan takaful akan mendapatkan perkongsian untung yang telah di kelola syarikat insurans takaful.

2. Kalkulasi Perkongsian untung

Merujuk pada perhitungan kadar pelaburan di atas, dapat diringkaskan bahawa perkongsian untung/*muḍārabah* pada bahagian pelanggan merupakan perkalian antara kadar pelaburan dengan caruman terkumpul pelanggan.

$$\text{Perkongsian untung} = \text{kadar pelaburan} \times \text{caruman pelanggan}$$

²³ Akumulasi untung yang siap dibahagikan adalah merupakan akumulasi untung dikurang dengan akumulasi pembayaran *muḍārabah*.

Berikut contoh perkongsian untung untuk peserta

Asumsi tingkat pelaburan 10%. caruman terkumpul tahun pertama Rp 1,500,000.00

Perkongsian untung = kadar pelaburan x caruman pelanggan

$$10\% \times \text{Rp } 1,500,000 = \text{Rp } 150,000.00$$

Dengan demikian perkongsian untung yang di peroleh pelanggan adalah Rp 150,000.00(seratus limapuluh ribu rupiah) setahunnya.²⁴

4.4 Kesimpulan

Perkongsian untung/*muḍārabah* di pandang baik untuk di aplikasikan pada syarikat takaful kerana tidak menimbulkan kezaliman antara kedua belah pihak dan dapat berputarnya roda perekonomian dan dapat meningkatkan perekonomian umat.

Konsep perjanjian *muḍārabah* yang di aplikasikan pada PT. Asuransi Takaful Umum mempunyai tiga unsur yaitu pertama syarikat diamanahkan untuk melaburkan wang pelanggan dengan sistem yang dibolehkan dari sisi hukum Islam kedua perkongsian untung yang nisbahnya telah di sepakati bersama ketiga sebelum membagi keuntungan yang diperoleh dari hasil usaha pelaburan terlebih dahulu di selesaikan pampasan pelanggan yang terkena musibah.

Jenis pelaburan yang digunakan oleh PT. Asuransi Takaful Umum antara lain deposit, surat berharga, tanah dan bangunan, pembiayaan *muḍārabah*, pinjaman modal.

²⁴ PT.Asuransi Takaful Umum, Risalah Kalkulasi Mudarabah.

Perkongasian untung yang di aplikasikan di PT. Asuransi Takaful Umum adalah keuntungan pelaburan yang di bahagikan kepada peserta pada setiap tahun dengan kadar pelaburan 10%.